

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004 / 2005

Oktober 2004

HMT 503 - Teori dan Kaedah Penyelidikan Linguistik

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM BELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN KEPADA CALON

1. Pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi **LIMA** soalan.
2. Semua soalan daripada **Bahagian A** WAJIB dijawab.
3. **Soalan No. 2** dalam **Bahagian B** WAJIB dijawab dan jawab mana-mana **DUA** soalan yang lain daripada **Bahagian B**.
3. Jawab **Bahagian A** dalam kertas soalan ini di ruang yang disediakan.
4. Nilai markah bagi soalan-soalan adalah berbeza-beza.

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

Bahagian A

Jawab semua soalan. Soalan No. 1 dalam bahagian ini hendaklah dijawab dalam kertas soalan ini di ruang yang disediakan.

1. Jawab [a] hingga [g] berdasarkan data dalam Jadual 1. Data yang berikut ini diperoleh daripada satu kajian bertajuk '**Penghasilan Ayat Tanya Bahasa Malaysia Dalam Kalangan Pesakit Afasia Broca Agramatik: Suatu Pemerian Hipotesis Pemangkasan Rajah Pohon**'. Kajian ini bertujuan meneliti penghasilan ayat tanya 'Wh-' dan Ya / Tidak bahasa Malaysia dalam kalangan pesakit afasia Broca agramatik. Subjek terdiri daripada 13 pesakit afasia Broca agramatik yang telah dipilih secara rawak. Perbandingan antara kumpulan dilaksanakan berdasarkan
 - penghasilan ayat tanya 'Wh-' dan Ya / Tidak dalam suatu tugas pencungkilan ayat dan pengulangan, dan
 - interaksi antara defisit penghasilan ayat tanya dan ciri-ciri khusus bahasa.

Pertuturan spontan pesakit-pesakit yang mengandungi 272 ujaran juga telah dianalisis. Di samping itu juga, penyelidikan ini bertujuan mengenal pasti implikasinya ke atas penggubalan suatu teori keclaruan bahasa yang dirumuskan keseluruhannya berdasarkan struktur formal.

Jadual 1: Pencungkilan dan Pengulangan Ayat Tanya 'Wh-' dan Ya /Tidak.
(Peratusan Respons Yang Betul)

Pesakit	Pencungkilan Ayat Tanya 'Wh-'		Pengulangan Ayat Tanya 'Wh-'	
	Ya / Tidak % Betul	Ya / Tidak % Betul	Ya / Tidak % Betul	Ya / Tidak % Betul
KA	0	0	8	0
AK	0	0	31	0
ARK	8	88	73	0
RA	15	100	95	10
AM	44	100	0	13
AR	13	88	0	40
ML	27	67	80	53
RN	29	100	0	0
TY	14	92	92	33
HAH	21	65	81	56
PF	0	0	100	80
MM	0	0	100	100
SR	13	0	0	47

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

- [a] Lukiskan poligon kekerapan dan laksanakan satu pemerian statistik bagi data-data tersebut dan interpretasikannya.

- [b] Isikan ruang di bawah untuk kajian di atas.

Hipotesis penyelidikan _____

Tahap signifikan _____

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

1 – atau – 2 – tailed _____

Reka bentuk

Variabel pautan _____

Pengukuran _____

Variabel bebas _____

Pengukuran _____

Pengukuran bebas atau berulang kali _____

Fitur lain _____

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

Prosedur statistik _____

- [c] Laksanakan satu Faktorial **ANOVA** bagi data tersebut. Jadikan *ayat tanya* menjadi faktor A, dan *kaedah* menjadi faktor B. Rujuk kepada **Senarai Formula ANOVA Faktorial** dan **Jadual 1 Taburan F (ANOVA)** di **Lampiran A [i], [ii], [iii] dan [iv]**. Tunjukkan pengiraan anda di bawah.

df bagi faktor B (kaedah) = _____

SST = _____

SSB = _____

SSW = _____

SS_A = _____

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

$SS_B =$ _____

$SS_{AB} =$ _____

Nisbah F bagi A = _____

Nisbah F bagi B = _____

Nisbah F bagi A x B = _____

(d) Hipotesis null yang mana satukah yang tidak boleh anda terima?

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

- [e] Hitungkan kekuatan kaitan ayat tanya, kaedah dan ayat tanya x kaedah (ω^2) bagi nisbah F signifikan.

$$\omega^2_A = \underline{\hspace{4cm}}$$

$$\omega^2_B = \underline{\hspace{4cm}}$$

$$\omega^2_{AB} = \underline{\hspace{4cm}}$$

- [f] Lukiskan graf interaksi dan interpretasikannya. Jadikan sama ada kaedah atau ayat tanya menjadi paksi Xnya.

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

[g] Apakah kesimpulan yang boleh anda buat?

[40 markah]

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

Bahagian B

Jawab **TIGA** soalan. **Soalan No. 2** WAJIB dijawab dan jawab mana-mana **DUA** yang lain daripada bahagian ini. Anda dikehendaki menjawab dengan menggunakan buku jawapan yang berasingan. Setiap soalan mempunyai pemberatan yang sama.

2. Jawab [a] dan [b].

[a] Apa maksud 'paradigma' dalam konteks penyelidikan linguistik?
Dan bagaimana kita beredar ke paradigma baru?

[b] Jawab [i] ATAU [ii].

[i] Analisis linguistik boleh berupa yang berikut:

- sinkronik-deskriptif
- diakronik-deskriptif
- deskriptif sinkronik-diakronik
- deskriptif dan penilaian teori

Menggunakan data yang sesuai, terangkan perbezaan antara analisis-analisis di atas.

[ii] Dalam satu penulisan disertasi, anda biasa temui tajuk-tajuk di bawah di dalam Bab 1. Dengan memilih tajuk anda sendiri daripada fonetik, fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik, isikan ruang kosong mengikut persepsi anda. Panjang setiap bahagian adalah terserah kepada pertimbangan anda sendiri.

Tajuk: _____

Pengenalan dan Pernyataan Masalah:

Tinjauan Kajian Lepas:

Tujuan Kajian:

Persoalan Kajian/Hipotesis:

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

KerangkaTeori:

Data:

Metodologi:

Batasan Kajian:

Definisi-definisi:

Organisasi Kajian:

[20 markah]

3. Hasilkan satu cadangan kajian sosiowacana bertajuk "Persamaan dan Perbezaan Ciri-ciri Laras **Teks A**, **Teks B**, **Teks C**, dan **Teks D**" menggunakan subtajuk berikut:

- Pendahuluan
- Tujuan Kajian
- Kepentingan Kajian
- Hipotesis Kajian
- Kerangka Teoretis Kajian
- Kaedah dan Batasan Kajian
- Dapatan dan Analisis Kajian Awal **Teks A** hingga **Teks D**
- Sumbangan Kajian
- Organisasi Kajian
- Penutup

Dalam cadangan anda, anda mesti menggunakan data dalam Jadual 2 sebagai sampel awal kajian.

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

Teks A	Teks B
<p>Sebermula, Raja Hindustan itu sediakala pekerjaannya pergi berburu juga. Maka pada suatu hari, Raja Hindustan itu sedang berburu lalu bertemu dengan dua ekor ular. Adapun ular yang betina itu terlalu baik rupanya, maka yang jantan sangat jahat rupanya. Maka pada hati baginda, 'Bukan juga jodohnya ular itu karena yang jantan itu amat jahat rupanya dan yang betina itu elok rupanya.'</p>	<p>Dua jenis hormon yang mengandungi iodin dihasilkan oleh kelenjar tiroid, iaitu tiroksin, dan triiodotironin. Oleh yang demikian, kandungan iodin yang mencukupi dalam makanan adalah penting untuk membolehkan kelenjar tiroid mensintesis hormon-hormon ini. Manusia memerlukan hanya 100µg iodin sehari.</p>
Teks C	Teks D
<p>"Bukankah Si Saman itu suaminya. Tambahan pula sudah menjadi tanggungjawab Rosnah selaku isteri, wajib patuh pada suaminya." Pak Ali menguatkan pendiriannya. Kak Sum membisu seketika. Mungkin terasa olehnya yang pasti dia kalah kerana kedudukan sudah berubah dua lawan satu. Biarpun begitu Kak Sum tidak mudah mengalah.</p>	<p>Berbalik kepada masalah di tempat bertugas, memang tidak munasabah bagi seorang penulis yang bekerja di pejabat untuk menulis. Kalaupun dia boleh melakukannya mungkin sebagai lakaran dan catitan-catitan sahaja. Apa lagi kalau penulis itu seorang guru sekolah, agak sukar mendapat waktu menulis di sekolah yang selalu berserabut dengan tugas. Kadang kala tekanan kerja, persekitaran di tempat bertugas turut memberi bebanan kepada perasaan dan daya kepenulisan seorang penulis.</p>

Jadual 2

[20 markah]

...12/-

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

4. Dengan merujuk kepada mana-mana satu bidang linguistik, bincangkan sumbangan kajian dalam bidang tersebut kepada bidang pengajian penterjemahan yang melibatkan bahasa Melayu. Gunakan contoh-contoh yang khusus dalam perbincangan anda.

[20 markah]

5. Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai daripada bahasa Melayu atau bahasa-bahasa lain, bincangkan perkara-perkara berikut:

[i] Dialektologi tradisi dan dialektologi bandaran.

[5 markah]

[ii] Perbezaan penyelidikan lapangan huluan dan hiliran dari aspek tumpuan, tujuan, pengumpulan data, dan tempat penyelidikan.

[10 markah]

[iii] Variabel sosial dan variabel linguistik dalam kajian dialektologi bandaran.

[5 markah]

LAMPIRAN A [i]

LAMPIRAN A [ii]

LAMPIRAN A [iii]

LAMPIRAN A [iv]